



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CALL FOR GRADS TO VENTURE INTO ORGANIC PADI FARMING, NEWS IN BRIEF, NST -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	RM64.8M BOOST FOR PERAK'S AGROPRENEUR SCHEME, NEWS IN BRIEF, NST -11	
3.	MP SIK DILANTIK PENERUSI MADA, HAKAH DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	PICOMS, AGROBANK LANCAR TABUNG WAKAF HEMODIALISIS, NASIONAL, SH -12	AGROBANK
5.	CALL TO BRING BACK GLORY OF 'PADUKA' DURIAN, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4	LAIN-LAIN
6.	SISWAZAH TIDAK PUNYA KERJA TETAP DISARAN USAHA TANAMAN PADI ORGANIC, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
7.	ASRAN HASILKAN SOS TELUR MASIN, BISNES SINAR, SH -24	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Call for grads to venture into organic padi farming

SIK: The Agriculture and Food Industry Ministry has called on graduates who have yet to secure a job to grab opportunities offered by the agriculture sector such as organic padi farming to generate income. Deputy Agriculture and Food Industry Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said that at present the demand for organic rice was on the rise following the society's growing focus on a healthy lifestyle. "We see (that organic padi) farming gives lucrative returns, with low water usage besides minimal use of padi seeds compared with the conventional agriculture method. This is an opportunity in the food supply sector itself. The agriculture sector provides immense opportunities that should be grabbed."

RM64.8m boost for Perak's agropreneur scheme

BATU GAJAH: The Perak State Agriculture Development Corporation (PPNP) has allocated RM64.8 million for the agropreneur scheme to boost the number of agropreneurs in the state. PPPNP said in a statement that the scheme was expected to attract 990 participants through various projects currently being implemented state-wide, including the Urban Farming Project which utilises 283ha and involves 140 entrepreneurs. "This also includes the 242ha in the Perak Agriculture Integrated Valley Agropreneur Scheme in Lenggong, which benefits 400 cash crop contract farmers; the 404ha pilot farming project for unemployed graduate entrepreneurs in Kuala Kangsar and the 57ha Perak pineapple farming scheme involving 80 agropreneurs."

Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MP Sik dilantik Pengerusi MADA



ALOR SETAR:Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)mulai 16 Mei sehingga 15 Mei 2022 akan datang setelah mendapat perkenan KDYMM Yang DiPertuan Agong.

Perlantikan itu diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Seri Dr Ronald Kiandee dalam sidang medianya di Pejabat MADA, Ampang Jajar, Ahad lalu.

Ahmad Tarmizi, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dari Universiti Malaya, Diploma Perundangan Syariah Univeristi Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)dan Diploma Pendidikan Islam dan Bahasa Arab daripada Institut Perguruan Islam Darul Aman (IPDA).

Beliau juga berpengalaman luas dalam pengurusan dan pernah dipertanggungjawabkan sebagai Ketua Koordinator Pusat Bantuan Kemanusiaan Antarabangsa, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)selain menjadi guru Pendidikan Islam pada 2007 hingga 2013.

Berikutan itu, Ahli Parlimen Sik berkenaan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yaasin yang memberi kepercayaan kepadanya untuk menerajui MADA.

"MADA perlu menjadi agensi yang ke hadapan untuk rakyat mengekalkan jelapang padi di Kedah ini. Saya juga ingin melihat pegawai MADA turun ke bawah melihat apa masalah sebenar di peringkat petani dan halangan yang boleh diatasi bersama dengan agensi lain yang terbabit," ujar beliau.

Justeru itu, beliau juga mahu terus memperkasakan pertanian di bawah agensi itu sehingga mampu menghasilkan 75 peratus hasil padi negara sekali dan gus dapat meningkatkan taraf hidup golongan petani. – **HARAKAHDAILY 23/6/2020**

24/6/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

12

PICOMS, Agrobank lancar tabung wakaf hemodialisis

KUALA LUMPUR - Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS dan Agrobank melancarkan projek wakaf tunai bagi pembelian mesin dialisis untuk kegunaan di Pusat Hemodialisis Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) - PICOMS (PHMP) di sini semalam.

Naib Canselor PICOMS, Profesor Dr Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman berkata, sehingga kini PHMP mempunyai tiga cawangan iaitu di Kampus PICOMS, Batu Muda, Cawangan Cheras dan Cawangan Jalan Pahang di Kuala Lumpur.

Menurutnya, secara keseluruhan PHMP mampu menempatkan seramai 234 pesakit dialisis dalam satu-satu masa dengan majoritinya adalah golongan asnaf yang mendapat tajaan daripada pihak Baitulmal dan organisasi-organisasi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pusat Zakat Selangor.

"PICOMS turut berterima kasih kepada pihak Agrobank yang sudi menyalurkan dana sebanyak RM600,000 melalui dana khairat produk Agrobank sebagai suntikan dan pemang-

Sehingga kini PHMP mempunyai tiga cawangan iaitu di Kampus PICOMS, Batu Muda, Cawangan Cheras dan Cawangan Jalan Pahang di Kuala Lumpur."

kin untuk wakaf ini.

"Dana tersebut akan digunakan untuk membeli 10 mesin dialisis dan tambahan sebanyak lima mesin dialisis, hasil kutipan wakaf tunai daripada orang ramai bagi menggantikan mesin dialisis dan peralatan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Tabung Wakaf Tunai PHMP dan Pelancaran Program Profesional Tahfiz PICOMS yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Albakri di Dewan Besar PI-



Dr Wan Mohd Azizi (tiga dari kiri) bertukar Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Taufik (dua dari kanan) yang disaksikan Dr Zulkifli (tiga dari kanan) pada Majlis Pelancaran Tabung Wakaf Tunai PHMP di Dewan Besar PICOMS dekat Kuala Lumpur semalam.

COMS di sini.

Hadir sama, Pengerusi PICOMS, Profesor Dr Abdul Latif Mohamed; Ketua Pegawai Strategik Agrobank, Taufik Mahamad Zakaria; Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Akbar Samon dan Ketua Eksekutif CIDB Holding, Supian Musa.

Mengulas lanjut, Dr Wan Mohd Azizi berkata, PICOMS juga telah menerima wafat

pelantikan sebagai Mutawalli oleh MAIWP pada 18 Jun lalu bagi pelaksanaan Wakaf Pendidikan MAIWP, sekali gus melayakkan PICOMS mengendalikan Tabung Wakaf Pusat Hemodialisis.

Menurutnya, PICOMS turut merancang untuk melaksanakan pelbagai program berasaskan wakaf melibatkan wakaf tunai dan wakaf harta alih yang akan menjadi sum-

ber kepada aktiviti social fund raising kendalian PICOMS.

"Kami juga berhasrat untuk mencapai status Wakaf Universiti dan sebagai salah satu langkah permulaan, PICOMS telah melancarkan penubuhan Pusat Wakaf My-Rahmah pada 31 Julai lalu bagi mengembangkan kebolehpayaan mekanisme wakaf berasaskan harta alih," kata beliau.

24/6/2020

THE SUN
NEW WITHOUT
BORDERS

4

Call to bring back glory of 'Paduka' durian

PASIR SALAK: In Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah, it is neither the Musang King nor the Batu Kurau which holds court, but the Paduka (His Royal Highness) durian.

Crowned the best durian in Perak in 1985, it was planted by the late

Abdul Malek Kulub Aji on his eight-hectare farm.

According to one of his 13 children, Nordin, 48, Abdul Malek collected the durian saplings from the 1970s to 1980s from an orchard owner in Kampung Tok Paduka Raja, Pulau Tiga.

"It got its name from the village, which was called Kampung Tok Paduka Raja by Tan Sri Ramli Ngah Talib (then Perak menteri besar) when he presented the winning prize during the state durian competition in Kampung Gajah in 1985," he said.

Nordin, who is iGROW (Agro Entrepreneur Institute) executive chairman in Kampung Gajah, said the glory of the Paduka durian should be revived, because it is among the best in the country.

Nordin urged the state

government to boost efforts to commercialise the Paduka durian in Perak and revive its glory days.

He said several leaders and foreign visitors, including from Thailand and Indonesia, have visited the state to taste the Paduka durian. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Siswazah tidak punya kerja tetap disaran usaha tanaman padi organik



PENGALAMAN BAHARU: Pelajar dari luar negara, Fleur Van Hille, 38, dari Belanda (kiri) Chikako Matsumi, 30 (tengah) dari Jepun dan Spencer Mcintyre, dari Amerika Syarikat (kanan) menunjukkan padi yang boleh dituai di Institut Pengurusan Pertanian Organik Bersepadu Kedah di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang Belantik, Sik kelmarin. — Gambar Bernama

SIK: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyarankan agar golongan siswazah yang belum bekerja tetap, merebut peluang dalam sektor pertanian seperti mengusahakan padi organik bagi menjana pendapatan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Che Abdullah Mat Nawi berkata, permintaan bagi beras organik semakin meningkat berikutan

masyarakat kini mementingkan aspek kesihatan dan cara hidup sihat.

"Kita lihat (padi organik) memberikan pulangan cukup lumayan, dengan penggunaan air yang sedikit selain menggunakan benih (padi) paling minimum berbanding dengan kaedah pertanian biasa (konvensional). Ini satu peluang dalam sektor bekalan makanan itu sendiri," katanya selepas melawat Institut Pengurusan Pertanian Organik Bersepadu Kedah Darul Aman (INSPEK) di Padi Organik Sri Lovely di Kampung Lintang, Belantik dekat sini, kelmarin.

Sri Lovely adalah singkatan kepada 'System of Rice Intensification, Lintang Organic Valley' yang meliputi kawasan seluas 10 hektar, diusahakan oleh Koperasi Agro Belantik Sik Berhad.

Che Abdullah berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha menarik minat golongan muda terhadap sektor itu.

"Baru-baru ini Kementerian Belia (dan Sukan) mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pertanian untuk berbincang bagaimana hendak menyelesaikan masalah belia, siswazah dan petani.

"Kita melihat sektor pertanian peluang cukup luas yang perlu diisi dan menteri selalu sebut untuk meremajakan sektor pertanian... tentunya kita mengharapkan golongan berpendidikan tinggi juga melihat sektor pertanian bukan sektor yang kotor, susah dan berbahaya, kena lihat ia sebagai peluang besar," katanya.

Selain bebas bahan kimia, Che Abdullah berkata, kebaikan lain amalan pertanian padi organik ialah ia menjadikan ekosistem persekitaran sawah dan alam sekitar terjaga, di samping keselamatan dan kebajikan pesawah lebih terjamin.

"Bagaimanapun, pengeluaran padi organik di negara ini masih pada tahap yang rendah," katanya lagi. —

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/6/2020	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	24

Asran hasilkan sos telur masin

Pelbagaikan hasil telur itik untuk pasaran komersial

Oleh SITI FATIHAH AWANG

Telur itik yang dahulunya hanya dijadikan telur masin kini boleh dinikmati dalam bentuk sos hasil inisiatif seorang usahawan dari Kampung Layang Pepuyu, Tanah Merah, Kelantan iaitu Asran Alias.

Lelaki berusia 38 tahun itu telah memulakan usaha tersebut pada April lalu ketika kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan koronavirus (Covid-19).

Katanya, idea tersebut didorong oleh keinginannya untuk pelbagaikan produk jualan telur itiknya yang sebelum ini hanya tertumpu kepada telur segar dan telur masin.

"Telur saya peroleh hasil daripada memelihara itik yang dimulakan pada tahun lalu di atas tanah seluas 4,000 kaki persegi.

"Setiap hari saya akan mengutip kira-kira 600 biji telur untuk tujuan berkenaan," katanya kepada Bisnes Sinar.

Asran berkata, hasil produk ladang itiknya itu dijual secara terus kepada pelanggan di hadapan rumahnya dan secara dalam talian.



Telur masin dan telur segar yang dijual oleh Asran.

"Saya buka meja di depan rumah yang mana menjadi laluan utama Rantau Panjang ke Panglima Bayu.

"Telur itik segar dijual pada harga antara 60 sen sehingga 80 sen sebiji bergantung kepada saiz, telur masin (RM9 untuk 10 biji) dan sos telur masin (RM18 sebotol)" katanya.

Beliau berkata, sebelum memulakan perniagaan beliau lebih dahulu melawat ladang itiknya seawal jam 8 pagi dengan dibantu oleh dua pekerja.

"Mereka akan bantu saya di ladang



Asran (kanan) dan pekerjaanya mengutip telur di ladang itiknya.

untuk membuat pemeriksaan kebersihan supaya hasil ternakan dapat mengeluarkan telur yang berkualiti.

"Di samping itu, kami juga akan memantau kecergasan itik dipelihara bagi memastikan tiada yang sakit atau cedera," katanya.

Kembangkan bisnes

Melihat potensi perniagaannya itu, Asran bercadang mengembangkannya lagi dengan membawa produk keluaran ladang itiknya itu ke luar negara.

Justeru, katanya, beliau sedang berusaha membawa telur itik dan sos telur masin yang dihasilkan itu ke Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) untuk diuji ketahanan dan khasiatnya.

Tambahnya, beliau juga mahu menjadikan ladang itiknya itu sebagai pusat penjualan telur itik yang berasaskan produk pelancongan dalam bentuk sa-

guhati seperti di Chaiya, Surat Thani, Thailand.

"Cuma saya berharap agar kerajaan dapat bantu untuk kembangkan lagi perniagaan yang sedang saya usahakan ini.

"Kalau boleh masukkan sekali industri penjualan telur masin ini dalam satu salah satu agenda pelancongan Kelantan," katanya.

Jelasnya, beliau yakin berkat usaha dan sokongan isterinya, Nor Ashikin Mahamad, 34, dan seluruh ahlinya keluarganya, apa yang dirancangnya itu pasti akan tercapai.

"Walaupun modal perniagaan ini hanya menggunakan duit simpanan, semuanya dapat dilaksanakan dengan baik.

"Allah yang tentukan segalanya dan saya sebagai pengusaha hanya mampu berdoa dan berusaha," katanya sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaysia Kuala Lumpur.



Asran menyusun telur segar, telur masin dan sos telur masin di depan rumahnya di Kampung Layang Pepuyu, Tanah Merah, Kelantan.